

Teman Atau Lawan

Siti Syamimi Sazali

Geram kalau diikutkan hati, Haikal sememangnya mahu menumbuk muka pengawas itu. Radzi, ketua biro disiplin badan pengawas telah berjaya menangkap Haikal yang sedang bersembunyi di dalam setor tingkat dua di asrama putera semasa waktu persekolahan. Lantas, pengawas yang tegar itu mengambil nama Haikal dan memaksanya untuk bersemuka dengan guru disiplin sekolah iaitu, Encik Fahmi. Encik Fahmi hanya memberikan amaran kepada Haikal dan menurut guru disiplin itu lagi, sekiranya Haikal mengulangi perbuatan yang sama, dia serta-merta akan dibuang sekolah.

Haikal bukan sahaja selalu ponteng sekolah, malah dia telah melanggar pelbagai peraturan sekolah yang lain seperti membawa telefon bimbit, keluar dari sekolah dan asrama tanpa kebenaran warden, dan lain-lain lagi. Rakan baik Haikal iaitu Raimi, merupakan orang yang paling berpengaruh dan dialah yang sering mengajak Haikal untuk melakukan perkara-perkara terlarang tersebut. Raimi pernah digantung sekolah sebanyak dua kali iaitu semasa dia berada di tingkatan satu dan di tingkatan tiga. Namun, dia masih tidak serik dan berusaha mengembangkan pengaruhnya dan menubuhkan satu kumpulan yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang sering menimbulkan masalah.

“Assalamualaikum, rakan-rakan. Nama saya Aida Maisara binti Adam dan saya merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Mas. Saya berharap agar rakan-rakan baru saya di dalam kelas ini boleh menerima kehadiran saya sebagai seorang pelajar baru serta sudi memberi bantuan sekiranya saya memerlukan pertolongan kalian.” Ujar seorang pelajar perempuan yang baru mendaftar pagi tadi. Aida memperoleh kelas yang sama dengan Haikal iaitu kelas tingkatan 4 Anggerik. Dia mempunyai kulit yang cerak dan bertudung yang agak labuh.

Dalam masa seminggu Aida berada di kelas tersebut, dia mula berkawan rapat dengan beberapa orang pelajar perempuan. Satu-satunya pelajar lelaki yang bersikap terbuka dan membuat Aida berasa selesa ketika berbual ialah Haikal. Lagipun, Haikal merupakan seorang pelajar yang agak kelakar dan dia mempunyai beberapa minat yang sama dengan Aida seperti melukis dan mendengar muzik.

Haikal turut berasa selesa apabila berbual dengan Aida. Perbualan mereka bukanlah hanya perbualan kosong. Tetapi penuh dengan nasihat-nasihat daripada Aida. Lazimnya, Aida lebih menasihati Haikal ke arah keislaman dan Haikal mudah menerimanya. Aida tahu akan sikap Haikal dan rakan-rakannya yang gemar melanggar peraturan sekolah dan dia sering menegah Haikal daripada melakukan perkara-perkara tersebut. Tanpa disedari, Haikal mula menyimpan perasaan

sayang kepada Aida dan berusaha mengubah sikapnya menjadi seorang yang lebih berdisiplin. Bagi Haikal, Aida merupakan pemangkin kepadanya untuk melaksanakan perubahan tersebut.

Raimi mula menghidu perubahan yang terdapat pada sikap Haikal. Hal ini kerana semalam, semasa Raimi menawarkan Haikal beberapa batang rokok jenama ‘Marlboro’, Haikal segera menolak dan menyatakan bahawa rokok adalah haram di sisi syariha. Selain itu, Haikal mula rajin beribadah di surau asrama yang memerlukan masa 5 minit untuk sampai ke sana dari asrama putera. Sebelum ini, mereka hanya bersolat di dalam bilik mereka. Bersolat di dalam bilik asrama di tegah oleh warden. Menurut warden, Ustaz Amin, bilik pelajar lelaki adalah kotor dan sama sekali tidak sesuai untuk dijadikan tempat beribadah. Lebih teruk lagi, kadang-kala mereka akan meninggalkan sahaja solat tersebut dengan sengaja. Raimi juga sedar bahawa semenjak Haikal berkawan dengan Aida, sikapnya sudah berubah dan Raimi merasakan bahawa dia patut bersemuka dengan Haikal.

“Haikal, petang ini ada prgram Bahasa Melayu. Aku malas nak pergi. Apa kata kita lepak di bilik sakit sahaja.” Kata Raimi menguji.

“Ish, tak mahulah. Lagipun, aku lemah dalam kertas 1 Bahasa Melayu. Lebih baik aku pergi ke program tersebut.” Balas Haikal tegas.

“Nanti kejap, aku rasa pelik dengan perangai kau sejak kebelakangan ni. Aku tahu, ini semua berpunca daripada Aida. Haikal kau dengar baik-baik, aku nak kau

pilih sama ada aku dan rakan-rakan lain atau perempuan itu.” Kata Raimi dalam nada yang semakin tinggi.

Haikal berpaling lalu pergi meninggalkan Raimi. Kemarahan Raimi semakin memuncak.

“Jagalah kau malam ini.” Bisik hati Raimi.

“Haikal, kenapa dengan pipi kau tu? Nampak macam lebam je.” Ujar Aida perlahan.

Haikal tunduk, tidak berkata apa-apa. Selepas beberapa kali dipujuk oleh Aida, Haikal pun terpaksa menceritakan perkara sebenar. Aida kesal akan perbuatan Raimi, namun dia tetap memberi semangat kepada Haikal. Aida berasa serba salah sama ada mahu menyuruh Haikal meninggalkan Raimi sebagai seorang kawan atau sebaliknya. Dia tahu bahawa mereka berdua telah lama berkawan baik dan sama sekali tidak mahu hubungan mereka renggang hanya kerana dirinya sendiri. Dalam masa yang sama, Aida juga tidak mahu Haikal terus hanyut dalam kesalahan-kesalahan yang lalu.

Haikal pula tidak menyangka bahawa Raimi sanggup menumbuknya hanya kerana perubahan sikapnya. Dalam kamus minda Haikal, perkataan ‘sahabat’ tidak lagi wujud antara dia dan Raimi. Raimi sepatutnya mendorong ke arah kebaikan, itu pun kalau dia benar-benar seorang sahabat sejati. Ternyata tanggapan Haikal terhadap Raimi selama ini adalah salah. Apabila Haikal merenung wajah Aida dalam-dalam sewaktu Aida sedang memberi nasihat kepadanya,

dia dapat merasakan kasih seorang teman yang terpancar di wajah Aida. Memang benar Aida menyuruhnya berbaik-baik semula dengan Raimi, namun jauh di sudut hati Haikal, dia merasakan bahawa adalah lebih baik dia meninggalkan rakan seperti Raimi.

Haikal sudah bersedia. Dia yakin dengan jawapannya. Raimi tidak perlu risau akan dirinya lagi dan soalan Raimi semalam tentang pilihan yang perlu dibuat akan terjawab.

“Tunggulah engkau malam ini.” Bisik hati Haikal.